

Oleh Siti Aminah
Mohd Yusof
am@hmetro.com.my

Georgetown

Feri PP berwajah baharu

*Lebih pantas, hanya
ambil masa 10 minit
bagi perjalanan sehala*

Selepas lebih 10 tahun tidak menggunakan perkhidmatan feri, Suraiya Khoo Abdullah, 55, tidak menyangka menjadi antara penumpang terawal satu daripada empat feri baharu yang mula beroperasi di sini, semalam.

Feri Pulau Pinang kini berwajah baharu dengan adanya empat feri bernama Teluk Bahang, Teluk Kampi, Teluk Duyung dan Teluk Kumbang yang berulang alik dari Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH), Butterworth dan Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU) di sini.

Suraiya berkata, dia pulang bersendirian dari Segamat, Johor dengan menaiki bas untuk menziarahi kakaknya di Batu Maung dekat sini dan teruja dengan kepantasan feri yang hanya mengambil masa 10 minit untuk perjalanan sehala.

"Saya tak rancang sebenarnya balik kampung naik bas dan turun di Butterworth jadi rasa bertuah sangat sebab sudah terlalu lama tak naik feri masa dulu kami kadang-kadang kena beratur tukar duit syiling untuk bayar tambang.

"Jadi syukur hari ini (semalam) dapat naik secara percuma bau feri pun wangi serta selesa kerana dilengkapi penghawa dingin selain ada kemudahan bayar tanpa tunai," katanya ketika ditemui di PRTU di sini, semalam.

Sementara itu, Zulkhairi Zubir, 40, berkongsi rasa lega kerana lebih setengah tahun dia terpaksa berulang alik menggunakan Jabatan Pulau Pinang apabila perkhidmatan feri untuk motosikal dihentikan sementara sejak 1 Januari lalu.

"Saya tinggal di Bagan Ajam, Butterworth dan bekerja di Taman Tema Es-



ANTARA empat buah feri baharu Pulau Pinang yang dinamakan Teluk Bahang, Teluk Kampi, Teluk Duyung dan Teluk Kumbang menggantikan feri ikonik Pulau Pinang. Sebanyak 68 trip (dua hala) sehari secara ulang-alik dari dua terminal iaitu Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH), Butterworth dan Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU), Georgetown. Tambang percuma selama satu bulan sehingga 6 September depan. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD



KETUA Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow (dua dari kanan) diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Penang Port Sdn Bhd (PPSB), Datuk Sasedharan Vasudevan (kanan) beramah mesra dengan penumpang ketika meninjau hari pertama pengoperasian feri baharu Pulau Pinang di Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH), Butterworth.

ANTARA penumpang pejalan kaki yang menggunakan perkhidmatan feri baharu Pulau Pinang di Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU), Georgetown.

Beliau berkata, sebanyak 68 trip dua hala disediakan setiap hari dengan kekerapan setiap 20 minit pada waktu puncak dan 30 minit bagi waktu bukan puncak termasuk pada hari cuti umum dan hujung minggu.

Terdahulu, Kon Yeow turut menjadi antara individu terawal merasa pengalaman perjalanan pertama feri baharu yang tiba di PRTU pada jam 6.45 pagi dan disambut oleh Pengerusi PPSB, Datuk Syed Mohamad Syed Murtaza.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PPSB, Datuk V Sasedharan berkata, pihaknya sedang mengkaji kadar tambang feri baharu itu dan akan mengumungkannya dalam masa terdekat.

"Dianggarkan 100,000 penumpang menggunakan feri bagi perjalanan sehala dalam tempoh sebulan dan perkhidmatan feri baharu ini menyasar sebanyak 1.2 juta penumpang setahun bagi perjalanan sehala," katanya.

ratus daripada penumpang menggunakan medium pengangkutan itu untuk ke tempat kerja.

"Sukacita dimaklumkan Penang Port Sdn Bhd (PPSB) akan menanggung kos tiket feri baharu selama sebulan sehingga 6 September bagi meringankan beban kewangan penum-

pang. "Feri ini akan beroperasi setiap hari bermula jam 6.30 pagi di PSAH dan berakhir pada jam 9.30 malam manakala di PRTU, feri akan bermula pada jam 7 pagi dan berakhir pada jam 10 malam," katanya pada sidang media di sini.

cape Teluk Bahang jadi kalau tiada feri saya kena keluar awal sekitar jam 5.15

pagi, tetapi selepas ini kalau saya keluar jam 7 pagi masih sempat untuk sampai ke tempat kerja jam 8.30 pagi," katanya.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata, perkhidmatan feri penting buat rakyat di negeri ini dengan 95 pe-



"Jika tiada feri saya kena keluar seawal jam 5.15 pagi ke tempat kerja"
Zulkhairi Zubir